Deskripsi Vokal Bahasa Melanau di Hilir Sungai Rejang, Sarawak

Chong Shin
Remmy Anak Gedat
Institut Alam Dan Tamadun Melayu
Universiti Kebangsaan Malaysia

Abstrak

Makalah ini membincangkan aspek vokal tiga varian Melanau di Sungai Rejang, iaitu varian dari Kampung Rejang, Kampung Tengah Igan dan Kampung Banyuk. Hasil analisis data mendapati bahawa ketiga-tiga varian ini mengandungi empat vokal, iaitu *i, u, ə* dan *a*. Di antaranya, vokal *i* dan *u* masing-masing memiliki alofon tersendiri, bergantung kepada variasi dan konsonan yang mengikutinya (pada posisi akhir kata). Secara ringkas: (1) di Kampung Tengah Igan, *i* wujud sebagai alofon *e* / _#*k*, *u* sebagai *o*/_ (*ø, k, ŋ* , *R*) dan *u* sebagai *uᵊ*/_*t, n* # ; (2) di Kampung Rejang, *i* sebagai *iᵊ* atau *e* /_ *ʔ*# , pada masa yang sama *i* juga sebagai *iᵊ* /_ (*t, k, n, ŋ, h, s*)# dan *u* sebagai *o* atau *uᵊ* / _ *ʔ* , *ŋ, t, k*#; dan, (3) di Kampung Banyuk, *i* sebagai *iᵊ* /,*ʔ, p, t, s* # dan *u* sebagai *uᵊ*/_*ʔ, n, ŋ,t* #.

Kata Kunci: Melanau, Rejang, Vokal, Alofon.

Abstract

This paper attempts to discuss the vowels of Rejang Melanau spoken in the Rejang, Tengah Igan and Banyuk village. In general, the Rejang Melanau have four vowels, namely i, u, ə and a. Among these vowels, i and u consists of several allophones, subjected to the variety and consonant in the final word position. Based on the data: (1) i appears as e /_#k, u as o /_ (ø, k, ŋ , R) and u as uᵊ/_t, n # in Tengah Igan village; (2) i as iᵊ or e /_ ʔ#, meanwhile i also existed as iᵊ /_ (t, k, n, ŋ, h, s) # and u as o or uᵊ / _ ʔ, ŋ, t, k # in Rejang village; and, (3) i as iᵊ/_ʔ, p, t, s # and u as uᵊ/_ʔ, n, ŋ, t # in Banyuk village.


Keywords*: Melanau, Rejang , vowels, allophones*

Pengenalan

Di Sarawak (Malaysia), populasi suku Melanau adalah kira-kira 96,000 orang atau 5.8% (1990) daripada jumlah penduduk negeri berkenaan (Kroeger, 1990: 139). Pada umumnya, suku Melanau tinggal di muara sungai dan cabang-cabang sungai dari delta Rejang hingga ke delta Kemana, Bintulu; lihat Peta 1. Antara pekan-pekan di Sarawak yang berbahasa Melanau sebagai *lingua franca* lokal ialah seperti Paloh, Mukah, Daro, Matu, Igan, Oya,

Rejang, Belawai, Bintulu, Medong, Kut, Narub Balingian dan Tatau. Dalam erti kata lain, pusat tumpuan utama suku Melanau ialah di kawasan persisiran pantai Sarawak. Maka, suku Melanau lazimnya dikaitkan dengan perekonomian yang berkait dengan laut, misalnya perikanan dan persaguan. Sebelum kedatangan Rajah Brooke, dua pekan yang berbahasa Melanau utama, iaitu pekan Oya dan Mukah telah menjadi pusat perdagangan dan penghasilan sagu terkenal dan utama (Yasir 1987: 6-7). Selain tersebar di kawasan persisiran pantai, terdapat suku Melanau yang tinggal jauh di hulu sungai, terutamanya Sungai Rejang. Pekan-pekan yang menjadi daerah persebaran kelompok Melanau ini ialah Sibu, Kanowit, Kapit dan Belaga; lihat Peta 1. Sistem perekonomian suku Melanau ini ternyata berbeza dengan Melanau persisiran kerana mereka mengamalkan pertanian menanam padi dan lada hitam.

Dari segi keagamaan, suku Melanau dikenalpasti terbahagi kepada 3 kumpulan, iaitu Melanau Islam, Melanau Kristian dan Melanau *Liko* (Pagan) Toyad (1989: 355) Golongan Melanau yang menghuni di kawasan persisiran pantai adalah beragama Islam; suku Melanau yang beragama Kristian sebaliknya tinggal di pinggir bandar / pekan kota; dan, suku Melanau yang mengamalkan kepercayaan animisme, iaitu Melanau *Liko* kebanyakan tinggal di kawasan pedalaman ataupun di hulu sungai. Makalah ini cuba membincangkan aspek vokal variasi Melanau di Sungai Rejang untuk menentukan jenis-jenis variasi Melanau yang dituturkan di lembah sungai berkenaan sekaligus memperhalusi penelitian yang dilakukan oleh Chou (2002).



Peta 1: Peta Distribusi Penutur Bahasa Melanau (Chou 2002)

Kontroversi dalam Pengklasifikasi Bahasa Melanau

Bahasa Melanau meskipun banyak yang dikaji, namun setakat kini belum ada ketetapan tentang bilangan variasi[1] yang ada. Tinjauan perpustakaan mendapati bahawa bahasa Melanau pernah diteliti oleh Archer (1966), Clayre (1975, 1970), Richards & Jaro (1930), Strickland (1917), Blust (1974), Zaini (1989), Chou (2002) dan sebagainya. Hasil kajian mereka masing-masing mempunyai pendapat yang berbeza tentang jenis dan jumlah variasi Melanau di Sarawak, misalnya:

(1) Menurut Ray (1913 dalam Blust, 1974:21), bahasa Melanau terdiri daripada 5 kumpulan yang utama, iaitu:
   A. Bintulu
   B. Matu, Bruit, Oya dan Mukah.
   C. Narom, Miri, Dali, Tutong, Lemiting, Lelak.
   D. Long Kiput, Long Pata, Batu Bla dan Berawan.
   E. Kanowit, Tanjong, Siduan.

(2) Blust (1974 dalam Kreoger, 1990: 160-161) mengatakan bahawa bahasa Melanau mengandungi 7 dialek iaitu:
   A. Dialek Bintulu
   B. Balingian
   C. Mukah
   D. Dalat (Kampung The), Dalat (Kampung Kekan)
   E. Matu
   F. Sarikei (Kampung Jerijeh)

[1] Menurut *Kamus Dewan* (Edisi Ketiga), *varian* bermaksud sesuatu yang menyimpang atau berlainan daripada yang lazim/standard/kelainan. Contohnya bentuk ejaan yang berlainan untuk sesuatu perkataan yang sama. Manakala *variasi* didefinisikan sebagai penyimpangan atau sesuatu yang menyimpang daripada keadaan (sifat, ciri-ciri dan sebagainya) yang lazim/standard/kelainan, contohnya sesuatu bahasa. Menutur *Kamus Lingustik*, definisi untuk istilah *varian* ialah (1) nilai teratur dari suatu variable, misalnya variable *e* dalam bahasa Indonesia mempunyai dua varian iaitu /e/ dan /ə/ (2) wujud satuan bahasa dalam konteks tertentu, contohnya alomof adalah varian dalam mofem. Definisi untuk *variasi* pula ialah wujud pelbagai manifestasi bersyarat mahupun tak bersyarat dari sataun. Dalam makalah ini, istilah *variasi Melanau* dipilih sebagai istilah alternatif untuk *dialek Melanau* memandangkan istilah *variasi* membawa maksud yang neutral bagi memperkata "apa-apa jenis bahasa" yang diperkatakan secara umum (Trudgill 1996).

G. Kanowit.

(3) Hudson (1978) pula mengklasifikasi bahasa Melanau kepada 3 kelompok iaitu:
   A. "*Core Melanau*" (Mukah, Oya, Matu, Rejang, Siduan, Teh)
   B. Kanowit
   C. Tanjong

(4) Yasir (1987: 5) berpendapat bahawa terdapat 4 kelompok bahasa Melanau iaitu:
   A. Kawasan Rejang (Belawai, Rajang, Paloh, Daro dan Matu)
   B. Kawasan Mukah-Dalat (Mukah, Petanak Oya, Sesok, Penakub, Jebungan, Narub, Medong, Kut, Dalat, Igan, Tellian, Teh dan Tetus)
   C. Kawasan Balingian (Sekitar Sungai Balingian dan Sungai Tatau)
   D. Kawasan Bintulu (Sungai Kemena dan Sebiew)

(5) Zaini (1989: 234) yang merupakan penutur asli bahasa Melanau, mengklasifikasikan bahasa ini kepada 6 kelompok, berdasarkan darjah kesalingfahaman dan pertempatan iaitu:
   A. Kuala Rejang (termasuk Rajang, Jerijeh, Belawai, Segalang, Paloh).
   B. Seduan (=Sibu) (termasuk Sibu, Kanowit, Tanjong, Igan, Banyuk).
   C. Matu-Daro (termasuk Matu, Daro, Pulau Beruit, Batang Lasa).
   D. Mukah-Dalat (termasuk Mukah, Dalat Oya, Sg. Kut).
   E. Balingian
   F. Bintulu (termasuk Bintulu, Tatau, Niah, Sg. Kemana, Sebiew).

(6) Analisis linguistik komperatif yang diusahakan oleh Chou (2002) mengatakan Proto-Melanau (PM) menurunkan 6 kelompok bahasa Melanau iaitu:
   A. Medong
   B. Sungai Ud
   C. -Dalat
      -Igan

D. (1) Balingian
(2) Mukah
Oya
E. Matu
Rajang
F. Kanowit
Tanjong

Makalah ini bermaksud mendeskripsi vokal variasi-variasi Melanau yang dituturkan di bahagian hilir Sungai Rejang, yang masing-masing dituturkan di Kampung Rejang, Tengah Igan dan Banyuk. Perbincangan ini penting kerana masih terdapat persoalan dari segi variasi Melanau yang wujud di Sungai Rejang. Chou (2002: 115), umpamanya dalam tesisnya mengatakan bahawa Melanau Seduan (di Sungai Rejang) tidak dilakukan kerana faktor waktu dan faktor lain-lain. Hudson (1978) pula mengatakan variasi Melanau di Rejang (Rejang, Seduan) mirip dengan variasi Melanau di Mukah, Oya, Matu sedangkan menurut Morris (1989: 184), "*from the river Igan round the Rejang delta and up the main river to Kanowit gradual changes so alter tha language that a speaker from Oya cannot be readily understood at Matu or in Sibu*". Berhubungan dengan isu ini, Zaini (1989: 233) turut tidak membahaskan variasi Melanau Rejang dengan mendalam sebaliknya cuma menyatakan "*kelompok Seduan dianggap penting*" dalam penelitiannya tanpa memberi sebarang huraian. Sehubungan dengan itu, untuk melengkapi kosa ilmu yang kurang ini, data-data Melanau telah dikumpulkan dari bahagian hilir lembah Rejang, iaitu Kampung Rejang, Tengah Igan, dan Banyuk untuk dibahaskan.

Deskripsi Vokal

Bahagian ini mendeskripsikan ragam fonologi varian Melanau hilir Rejang—sistem vokal dan membandingkannya dengan penelitian Chou (2002)[2]. Secara kumulatif, jumlah vokal

[2] Penelitian Chou (2002) khusus diguna pakai sebagai bahan perbandingan memandangkan kajian beliau merupakan satu-satunya kajian bahasa Melanau Rejang yang agak menyeluruh dan terperinci. Walaupun bahasa Melanau banyak yang dikaji oleh pengkaji lain, namun perhatian mereka hanya tertumpu kepada variasi-variasi Melanau tertentu sahaja.

variasi-variasi Melanau di hilir Rejang (Kampung Rejang, Tengah Igan, dan Banyuk) adalah seperti berikut:

Vokal	Depan	Tengah	Belakang
Tinggi	i		u
Tengah		ə	
Rendah		a	

- Variasi Rejang

Kampung Rejang terletak di delta Rejang. Kampung ini terdiri daripada gabungan 3 kampung, iaitu Kampung Hulu, Kampung Hilir dan Kampung Baru dan terdapat kurang lebih 188 pintu rumah. Kebanyakan penduduk Melanau di kampung ini merupakan nelayan. Terdapat segelintir daripada mereka terlibat dalam aktiviti persaguan.

Penelitian Chou (2002: 66) tentang variasi Melanau Rejang menunjukkan bahawa pada posisi akhir suku kata, *i* wujud sebagai *e* sebelum bunyi ʔ dan sebagai alofon *iᵊ* sebelum *t, k, n, ŋ* dan *h* iaitu:

i → e /_ ʔ#

i → iᵊ /_ (t, k, n, ŋ, h)#

Contohnya:

tigiʔ	[tigeʔ]	‘kotor’
asi ʔ	[ʔ a’seʔ]	‘nasi’
səkəlit	[səkə’liᵊt]	‘kilat’
dudin	[dudiᵊn]	‘melihat’
isiŋ	[ʔ isiᵊŋ]	‘cincin’
ih	[ʔ iᵊh]	‘ini’

Namun demikian, variasi Melanau Rejang yang dikumpulkan oleh penulis memaparkan i → iᵊ /_ʔ #, selain i →e /_ʔ #. Sehubungan dengan itu, rumus untuk alofon *i* harus diperluaskan menjadi i →e atau iᵊ /_ʔ #. Contohnya:

[kəliᵊʔ] ‘ikan keli’

[maiᵊʔ] ‘ipar perempuan’

[labiᵊʔ] ‘sampai’

[maniᵊʔ] ‘ngilu’

Dalam variasi ini, juga didapati bahawa terdapat dua penjelmaan vokal *u* dan didapati agak kompleks kerana *u* selain menjelma sebagai ɔ (ataupun *o*) sebelum bunyi glotis ʔ dan *ŋ*, juga menjelma sebagai *uᵊ* pada posisi dan konsonan yang sama. Penjelmaan yang sama juga berlaku pada posisi suku kata yang berakhir dengan *t* dan *k* (lihat contoh di bawah). Berhubung dengan fenomena ini, kita tidak boleh mengatakan kedua-duanya dapat bersilih ganti memandangkan wujud pasangan minimal untuk kata [abut] ‘cabut’ dan [abu:ᵊt] ‘nanah’. Hal ini sesungguhnya memerlukan penelitian lanjutan.

[butɔʔ] ‘kemaluan laki-laki’

[bukɔʔ] ‘buku (buluh)’

[səgoŋ] ‘bukit kecil’

[gadoŋ] ‘hijau’

[kusut] ‘gosok’

[udut] ‘daki’

[manuᵊk] ‘burung’

[kuduᵊk] ‘bantal’

[gətuᵊʔ] ‘putus’

[buluᵊʔ] ‘buluh’

[danuᵊŋ] ‘licin’

[uduᵊŋ] ‘hidung’

[abu:ᵊt] ‘nanah’

[kukuᵊt] ‘gali’

- Variasi Tengah Igan

Kampung Tengah Igan terletak di Sungai Igan, iaitu salah satu cabang Sungai Rejang. Kampung Tengah Igan berdekatan dengan beberapa kampung lain iaitu Kampung Skrang, Kampung Pulau, Kampung Baru Ismail dan Kampung Baru Dagang. Di antaranya, Kampung Skrang merupakan perkampungan Melayu; lihat Rokaiyah (1984). Kampung yang selebihnya adalah kampung suku Melanau. Suku Melanau di Kampung Tengah Igan menjalankan pelbagai jenis kegiatan eonomi, antaranya seperti perikanan, penanaman sagu, menanam padi, bekerja di sektor swasta dan kerajaan.

Menurut Chou (2002: 57, 66), variasi Igan mengandungi empat vokal, iaitu *i, u, ə, a*. Dalam variasi Igan, *e* merupakan alofon kepada *i*. Vokal *i* wujud sebagai *e* sebelum *k* di posisi akhir suku kata (e → e/_ k#) dan sebagai *i* di semua posisi.[3] Lihat Contoh di bawah:

pisik [pi’seʔ] ‘memasak’

anik [ʔaneʔ] ‘anak’

[3] Menurut Chou (2002), pada posisi akhir kata, konsonan /k/ mengandungi satu alofon, iaitu /ʔ/**.** Konsonan k → ʔ / i_# pada variasi di Igan; k→ʔ / i_# dalam variasi Dalat; dan, k→ʔ / (i,u,o)_# di variasi Mukah.

pili? [pi'li?] 'pilih'

labi? [la'bi?] 'datang'

Vokal *o* merupakan alofon kepada vokal *u* apabila wujud sebelum *ø, k, ŋ* pada akhir suku kata, yaitu u → o /_ (*ø, k, ŋ*) dan sebagai *u* pada semua posisi (Chou 2002: 58). Contohnya: *udu* [ʔu'do] 'hidung', *manuk* [ma'nok] dan *ituŋ* [ʔitoŋ] 'menghitung'. Data dari Kampung Tengah Igan memperlihatkan *u* mengalami geluncuran sebagai *uᵊ* sebelum *-t* dan *-n* pada akhir suku kata, contohnya:

[bəpuᵊt] 'bernafas'

[məduᵊt] 'takut'

[kəmusuᵊt] 'gosok'

[uduᵊt] 'daki'

[bujuᵊn] 'paruh'

[təʔuᵊn] 'tahun'

- Variasi Banyuk

Kampung Banyuk terletak di bahagian tengah sungai Rejang, iaitu berhampiran dengan bandar Sibu. Kampung ini boleh dicapai dengan jalan darat dan jalan air. Terdapat kira-kira 70 pintu rumah di kampung ini dan penduduknya kesemua beragama Islam. Dalam erti kata lain, suku Melanau di kampung ini ialah Melanau Islam, seperti istilah yang dipakai oleh Toyad (1989). Selain masyarakat Melanau, terdapat suku lain seperti Cina dan Iban (yang berkahwin campur dengan penduduk tempatan) dan suku Melayu (yang berpindah dari kampung lain, seperti Kampung Nangka dan Kampung Hilir yang berhampiran). Yang menarik, Kampung Banyuk merupakan batas untuk perkampungan Melanau Islam di

Sungai Rejang, maksudnya, kampung-kampung Melanau di hulu Kampung Banyuk adalah kampung yang beragama Kristian[4].

Variasi Melanau Kampung Banyuk turut memperlihatkan empat vokal, iaitu *i, u, ə* dan *a*, seperti variasi Melanau di Kampung Tengah Igan dan Rejang. Seperti data dari kedua-dua kampung tersebut, *i* dan *u* masing-masing mengandungi penjelmaan (alofon). Vokal *i* menjelma sebagai *iᵊ* pada posisi akhir suku kata sebelum bunyi ʔ , *p, t.* Contohnya:

[mubiᵊʔ] ‘memberi’

[paliᵊʔ] ‘luka’

[mudiᵊp] ‘hidup’

[jəmiɣiᵊt] ‘tarik’

[musiᵊt] ‘memeras’

Perhatikan kata *nipis* dalam variasi Rejang, Tengah Igan dan Banyuk di bawah:

Rejang	**Tengah Igan**	**Banyuk**	
dipiᵊs	dipih	dipiᵊs	‘nipis’

Kata *dipih* dalam variasi Tengah Igan adalah retensi dari Proto Melanau *dipih (Chou 2002: 94). Kewujudan *-s* pada variasi Rejang dan Banyuk merupakan inovasi. Dalam erti kata lain, *-h > -s berlaku pada kedua-dua varian tersebut. Didapati bahawa selain berlaku inovasi, terdapat berlaku penjelmaan fonologi *i* → *iᵊ* juga sebelum *s* pada akhir suku kata. Namun demikian, penjelmaan fonologi sedemikian tidak berlaku pada kata pinjaman dari bahasa Melayu (dalam variasi Rejang dan Banyuk), misalnya:

Rejang	**Tengah Igan**	**Banyuk**	
bətis	bətih	bətis	‘betis’
naŋis	mənaŋih	naŋis	‘menangis’

[4] Suku Melanau Kanowit dan Tanjung di bahagian hulu Sungai Rejang merupakan contoh suku Melanau yang beragama Kristian.

Yang menarik, sekiranya berlaku retensi *-h dalam variasi Tengah Igan, kata-kata yang merupakan pinjaman dari bahasa Melayu juga berakhir dengan *-h*. Tidak dikesani berlaku penjelmaan *i* → *iᵊ* pada varian tersebut. Namun demikian, sekiranya berlaku inovasi *-h > -s, kelihatan berlakunya perubahan *i* → *iᵊ*.

Dari segi vokal *u* dalam variasi Banyuk, vokal ini wujud sebagai *uᵊ* terutamanya pada posisi sebelum bunyi ʔ, *n, ŋ,* dan *t*. Contohnya:

musuᵊʔ ‘membasuh’

təmuᵊʔ ‘mandi’

katuᵊŋ ‘timbul’

paduᵊŋ ‘atap’

məduᵊt ‘takut’

maduᵊn ‘menanam’

taʔuᵊn ‘tahun’

Bunyi *u* yang berada pada posisi sebelum konsonan selain daripada ʔ, *n, ŋ*, dan *t* tetap kekal sebagai *u*. Contohnya:

tənugus ‘menikam dengan tombak’

bakul ‘bakul’

sakul ‘cangkul’

anum ‘air’


mujuɣ ‘bertiup’

Kesimpulan

Analisis terhadap vokal variasi Melanau di Kampung Rejang, Tengah Igan dan Banyuk mendapati ketiga-tiga variasi yang umumnya dinamakan “Melanau Rejang” pada hakikatnya adalah tiga variasi yang berbeza. Dari segi sistem vokal, kesemua varian ini

memiliki 4 vokal, iaitu *i,ə, a, u*. Dari segi vokal *i* dan *u*, setiap variasi ini mempunyai penjelmaan yang berbeza-beza, seperti paparan berikut:

Varian Melanau Hilir Rejang



Variasi Rejang	Variasi Tengah Igan	Variasi Banyuk
i → iᵊ atau e /_ʔ #	i → e / _#k	i → iᵊ /_ʔ, p, t, s #
i → iᵊ /_ (t, k, n, ŋ, h, s)#	u → o /_ (*ø, k, ŋ*)[5]	u → uᵊ/ ʔ , *n, ŋ,t* #
u → o atau uᵊ / _ ʔ , ŋ, t, k#	*u → uᵊ/_t,n#*	

Penghargaan

Kertas ini merupakan sebahagian daripada analisis penyelidikan bagi projek UKM-II-05-FRGS0093-2009.

Rujukan

Archer. J. Belville. 1949. Melanau as it is spoken (a review). *Sarawak Museum Journal*. 5: 98-102.

Blust R.A. 1974. The Proto-North Sarawak vowel deletion hypothesis. Tesis Phd. Universitiof Hawaii: Hawaii.

Clayre, Beatrice. 1997. The Medong dialect of Melanau: A preliminary analysis of the phonology. *The Sarawak Museum Journal*. **LI**(72): 39-62.

Grace Chou. 2002. A reconstruction of Proto-Melanau. Tesis Sarjana. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Harimurti Kridalaksana. 1993. *Kamus Linguistik* (ed. 3) Jakarta: FT Gramedia Pusaka Utama.

Hudson, A.B. 1978. Linguistic relations among Bornean peoples with special reference to Sarawak: An interim report. Dlm. Zamora, Maria D. *et al* (eds.). *Sarawak, linguistics and development problems*, hlm. 1-33. Williamsburg: College of William and Mary.

[5] Rujukan dari Chou (2002).

Kamus Dewan Bahasa Ed. 3. 1997. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kreoger, Paul R. 1998. Language classification in Sarawak: A status Report. *The Sarawak Museum Journal*. **LII** (74): 137-173.

Morris H.S., 1994. The coastal Melanau. Dalam. King, Victor T. (pnys). *World within: The ethnic groups of Borneo*. S. Abdul Majeed & Co.: Kuala Lumpur.

Ray, Sidney H. 1913. The languages of Borneo. *Sarawak Museum Journal*. 1: 4

Rokaiyah Bt. Jaya. 1984. Ragam fonologi dialek Melayu Igan, Sarawak. Latihan Ilmiah. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Strickland, S.S. 1995. Materials for the study of Kejaman-Sekapan oral tradition (Part 1). *The Sarawak Museum Journal*. **XLIX** (70): 1-5.

Toyad, Michael. 1989. Adat bertunang dan perkahwinan suku Melanau Liko (Pagan) di Mukah dan Dalat. *The Sarawak Museum Journal*. XL(61).

Trugill, P. J. 1986 *Dialect in Contact*. Oxford: Blackwell.

Yasir Abdul Rahman. 1987. *Melanau Mukah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Zaini Ozea. 1989. Bahasa Melanau: Suatu tanggapan awal. *Sarawak Museum Journal*. 40(2): 231-250.